

## WAKAF KE ARAH PENGURUSAN YANG EFEKTIF DI MALAYSIA

Amaludin Ab. Rahman<sup>1</sup>, Zaid Ahmad<sup>2</sup>, Nik Mohd Saiful W. Mohd Sidik<sup>3,a</sup>

<sup>1,2,3</sup>Jabatan Pengajian Kenegaraan & Ketamadunan,  
Universiti Putra Malaysia.

<sup>a</sup>nikmohdsaiful@gmail.com

**Kata Kunci:** Wakaf, Pengurusan Efektif, Hartanah Wakaf

**Keywords:** Waqf, Effective Management, Property of Waqf

**Abstrak.** Wakaf merupakan suatu amalan berbentuk pemberian harta selain dari pemberian zakat, sedekah, wasiat, hibah, infak dan seumpamanya. Pengurusan wakaf yang efektif mampu memberi sumbangan yang besar terhadap kesejahteraan umat Islam dengan memberi akses kepada pertumbuhan infrastruktur asas yang diperlukan oleh setiap ahli dalam sesebuah masyarakat. Sejarah telah membuktikan bahawa amalan wakaf telah bermula sebelum kedatangan Islam dan ia berterusan selepas kedatangan Islam hingga hari ini. Di Malaysia, terdapat seluas 9,907 hektar tanah wakaf yang terbiar bernilai lebih RM1.2 bilion di seluruh negara yang perlu diberi perhatian serius. Pelbagai masalah wujud dalam pengurusan institusi wakaf termasuklah dari segi peruntukan undang-undang sedia ada. Pengurusan, perancangan dan pembangunan institusi wakaf perlu dilaksanakan secara efisien dan sistematik dengan menggunakan pelbagai aplikasi sistem teknologi maklumat seperti Geographic Information System (GIS). Dengan penggunaan teknologi ini, nilai tambah dalam pengurusan maklumat mengenai harta wakaf dapat dikemas kini, ditadbir dan disimpan secara sistematik, cepat dan berkesan. Artikel ini dikemukakan untuk menjelaskan tentang keperluan aplikasi GIS dalam pengurusan maklumat institusi wakaf yang boleh memberi akses kepada pembangunan komuniti. Penggunaan GIS merupakan satu mekanisme yang menyumbang kepada perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan harta wakaf yang tersusun, berterusan dan menyeluruh untuk manfaat dan kebajikan umat Islam di samping meningkatkan taraf kualiti dan kesejahteraan hidup. Aplikasi „AZAN Geomap” dihasilkan dan boleh digunapakai untuk memantapkan lagi sistem pengurusan wakaf dalam pelbagai bentuk berasaskan pencapaian teknologi maklumat yang mudah dicapai secara efisien, cepat dan berkesan khususnya kepada pihak pengurusan dan memudahkan perancangan yang sistematik.

**Abstract.** Waqf is a practice of giving a property other than the giving of zakat, sadaqah, wills, hibah, infaq and others. Effective management of waqf can contribute substantially to the well-being of Muslims by providing access to the basic infrastructure growth required by every member in a society. History has proven that the practice of waqf has begun before the advent of Islam and it continues after the advent of Islam till today. In Malaysia, there is an area of 9,907 hectares of abandoned land of waqf worth more than RM1.2 billion throughout the country which need to be taken seriously. Various problems exist in the management of waqf institutions including in terms of the provision of existing laws. Management, planning and development of waqf institutions need to be implemented efficiently and systematically using various applications of information technology systems such as the Geographic Information System (GIS). With the use of this technology, the added value of information management on waqf property can be updated, administered and stored systematically, quickly and effectively. This paper presented to clarify the requirements of the GIS application in the management of waqf institution information which can provide access to community development. The usage of GIS is a mechanism that contributes to the planning and implementation of a well-organized, continuous and comprehensive waqf property development project for the benefit and welfare of the Muslim community as well as improving the quality and well-being of the community. The ‘AZAN Geomap’ application is created and can be used to further enhance the property management system and land waqf in various forms based on the achievement of information technology that is easily accessible efficiently, quickly and effectively, especially to management and facilitate systematic planning.

### Pendahuluan

Islam amat mengambil berat terhadap kemajuan dan pembangunan ekonomi bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Rata-rata negara Islam dikaitkan dengan kemunduran dan kemiskinan. Dalam konteks pemilikan harta, Islam tidak melarang umatnya untuk mencari dan memperoleh harta dengan cara halal. Namun Islam melarang daripada mengamalkan sifat bakhil atau sayangkan harta tanpa mempedulikan hak orang miskin dan golongan yang memerlukan. Mewakafkan harta merupakan amalan lazim dalam kalangan umat Islam terdahulu. Maksud hadis:

Bahawa Sayidina Umar r.a pernah berkata: “Wahai Rasulullah S.A.W., saya telah memperoleh harta yang saya tidak pernah peroleh sebelum ini dan saya ingin menghampiri Allah S.W.T. menerusinya. Lalu jawab Rasulullah S.A.W., Tahankan (wakafkan) asal harta itu dan sedekahkan hasilnya. Lalu

Sayidina Umar r.a jadikan hartanya itu, (tanah perolehan di Khaibar sebagai harta sedekah yang tidak boleh dijual, dibeli dan diwarisi”

(Hadis riwayat Bukhari)

Wakaf memainkan peranan yang penting dalam pembasmian kemiskinan, pembangunan infrastruktur asas, pendidikan, penyediaan kemudahan kesihatan. Puteri Zubaidah (isteri Khalifah Harun al-Rashid) membina jalan daripada Baghdad hingga ke Mekah untuk kemudahan jemaah haji menggunakan harta Wakaf. Sultan Murad II membangunkan Bandar Ergene dengan menggunakan harta Wakaf. Dalam era pemerintahan kerajaan Saljuk di bawah Empayar Othmaniah dari pertengahan abad ke-8 sehingga ke-19, ribuan individu mewakafkan harta untuk kemajuan masyarakat. Ini termasuklah pembinaan kompleks Suleymaniye (1556) di Istanbul, yang terdiri dari dua buah makam, empat buah madrasah, institusi pendidikan, sekolah perubatan, hospital, kolam mandi, tempat penyediaan dan penyajian makanan, rumah tumpangan, pusat perniagaan, Imaret (Pusat Penyediaan Makanan / *Public Kitchen*). Terdapat 83 pusat seumpama ini dibina di bawah pemerintahan kerajaan Uthmaniah dengan menggunakan harta Wakaf.

Dalam konteks Malaysia pula, sehingga tahun 2005 telah terdapat 35,727 hektar tanah wakaf dengan nilai RM1.2 bilion. Ini menunjukkan bahawa wujud kesedaran di kalangan masyarakat Islam untuk berwakaf. Terdapat dua kaedah wakaf iaitu secara khas (untuk tujuan Masjid dan Tanah Perkuburan) dan wakaf am (bagi tujuan untuk memajukan kedudukan ekonomi umat Islam). Contohnya seperti pembangunan kompleks pejabat di Jalan Tun Perak Kuala Lumpur.

Bagi tujuan pembangunan tanah wakaf pada tahun 2004, kerajaan Malaysia telah menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di bawah Jabatan Perdana Menteri, dengan tujuan untuk memastikan perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan dasar pembangunan tanah wakaf dipantau dengan lebih berkesan demi kemajuan ummah. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM250 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9) untuk program pembangunan tanah wakaf. Begitu juga dengan penubuhan Yayasan Wakaf Malaysia bagi membantu Majlis Agama Islam Negeri dan pihak lain yang ingin membangunkan tanah wakaf. Tanah-tanah wakaf adalah milik Majlis Agama Islam Negeri selaku pemegang amanah tunggal yang terdiri daripada tanah komersial dan berpotensi dibangunkan untuk kemajuan umat Islam. Sehingga kini 23 projek pembangunan sedang dilaksanakan (19 projek fizikal) dan (4 projek bukan fizikal).

Pembangunan institusi wakaf di Malaysia mampu membangunkan ummah dengan perancangan secara yang teliti serta bersistematik. Ini memandangkan di Malaysia terdapat banyak tanah atau harta Wakaf yang mempunyai potensi besar jika dibangunkan secara komersial. Kerajaan memberi tumpuan untuk membantu Majlis Agama Islam Negeri untuk membangunkan institusi wakaf. Ia dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9) dengan wujudnya Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada tahun 2005. Banyak projek pembangunan harta wakaf telah dirancang untuk dilaksanakan.

### Konsep dan Pengurusan Wakaf

Konsep wakaf tertumpu kepada pembekuan atau pemegangan aset yang diwakafkan. Seterusnya pengurusan dalam menyalurkan manfaat harta yang diwakafkan untuk kegunaan penerima manfaat wakaf tersebut. Sekiranya ditinjau dari sudut pemilikan aset itu, ia dianggap sebagai terhad kepada Allah SWT. Konsep ini menekankan bahawa pewakaf dan aset yang diwakafkan tidak mempunyai sebarang hubungan lagi selepas suatu kontrak pewakafan diwujudkan.

Dalam konteks ini, Islam telah menyediakan satu kaedah agihan kekayaan untuk memastikan pembangunan ekonomi dapat dinikmati bersama-sama oleh masyarakat. Kaedah ini meliputi amalan zakat, hibah, kifar, korban dan wakaf. Amalan mewakafkan harta dibuat kerana ingin *taqarrub* kepada Allah kerana jaminan akan mendapat pahala yang berpanjangan. Wakaf sebagai mekanisme agihan semula adalah sangat unik. Hal ini adalah kerana pewakaf melakukannya dengan niat mendapat keredhaan Allah SWT. Allah SWT menggalakkan amalan berkongsi kekayaan dengan orang lain serta memberi amaran keras kepada golongan yang bersifat bakhil sebagaimana firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud:

“Ingatlah kamu ini adalah orang yang diseru supaya menafkahkan sedikit daripada harta benda kamu pada jalan Allah. Maka ada antara kamu yang bersikap bakhil. Sesiapa yang bersikap bakhil maka sesungguhnya dia hanyalah berlaku bakhil terhadap dirinya sendiri. (Ingatlah) Allah Maha Kaya (tidak berhajat kepada sesuatu pun), sedangkan kamu semua fakir (yang sentiasa berhajat kepada-Nya pada segala hal). Jika kamu berpaling (daripada beriman, bertakwa dan menafkah), Dia (Allah) akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain, dan mereka tidak akan berkeadaan seperti kamu.”

(Surah Muhammad 47:38)

Wakaf merupakan sedekah yang berterusan kerana bukan sahaja amalan ini membolehkan pewakaf mendapat pahala berterusan, malah penerima wakaf turut mendapat faedah yang berterusan. Justeru, hal ini membolehkan pihak yang berkenaan mengatur perancangan kewangan institusinya untuk jangka masa panjang. Mereka tidak perlu risau dengan kehilangan harta tersebut kerana harta tersebut telah dijamin berkekalan.

Falsafah ini sangat bertentangan dengan falsafah Barat. Falsafah Barat menekankan bahawa manusia sebagai individu yang mementingkan diri sendiri sudah tentu sayang kepada harta miliknya. Hal ini membuatkan terperangkap dengan sikap tamak kepada harta milik mereka. Apabila manusia mempunyai sikap sayang kepada harta miliknya, pastinya tiada keinginan untuk berkongsi kekayaannya dengan orang lain.

Walaupun bagaimanapun, Islam menangani dan membendung sikap pentingkan diri sendiri dalam setiap diri individu dengan memberi jaminan bahawa berkongsi kekayaan dengan orang lain akan diberi ganjaran pahala di akhirat. Walaupun balasan kepada perbuatan berkongsi harta dengan orang lain tidak dilihat dalam bentuk balasan yang bersifat fizikal, namun individu Muslim akan melakukannya kerana mereka mengharapkan pahala untuk diri mereka di akhirat nanti.

Hal ini bererti sifat yang mementingkan diri sendiri dengan tidak berkongsi kekayaan mereka dengan orang lain di dunia ini, maka di akhirat kelak kepentingan diri mereka tidak akan terbela. Amaran ini perlu diberi perhatian kerana Allah telah menjelaskan bahawa orang yang kedekut dan tidak mepedulikan keperluan saudaranya yang lain akan mendapat balasan azab neraka seperti dijelaskan oleh Allah SWT yang bermaksud:

*“Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu mereka berkata apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam neraka saqar. Orang-orang yang bersalah itu menjawab kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang. Dan kami tidak pernah memberi makan orang-orang miskin.”*

(Surah al-Muddathir 74:42-44)

Al-Quran banyak menjelaskan kepentingan bagi umat Islam untuk mengagihkan kekayaan mereka, sama ada dalam bentuk zakat, wakaf, sedekah dan sebagainya. Walaupun manusia sayangkan harta serta lebih mementingkan kehendak dirinya sendiri tetapi Allah telah memberi peringatan bahawa sekiranya mereka ingkar dan berdegil dengan sikap pentingkan diri sendiri, maka di akhirat nanti mereka akan diberikan balasan azab yang pedih di dalam neraka.

Sebaliknya, bagi individu yang tidak mementingkan diri sendiri dan suka untuk berkongsi kekayaannya demi kesejahteraan hidup orang lain, mereka diberi pujian dan ganjaran oleh Allah seperti firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud:

*“Orang yang menafkahkan harta mereka pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terang-terangan, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka dan tidak ada kebimbangan (daripada berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka serta mereka pula tidak akan berdukacita”.*

(Surah al-Baqarah 2:274)

Allah SWT sebagai Pencipta telah menyediakan kaedah agihan semula kekayaan melalui ibadat zakat, wakaf, sedekah dan lain-lain demi pembangunan ekonomi umat sejagat. Malah, hamba-Nya telah dijanjikan ganjaran pahala di akhirat kelak sebagai motivasi dalam melaksanakan perintah tersebut. Secara prinsipnya, kejayaan pelaksanaan agihan kekayaan di dalam Islam ini bertunjangan kepada keimanan dan ketakwaan kepada Allah, bukan semata-mata perlakuan rasional manusia.

Menurut Siti Mashitoh yang diambil dari kitab karangan Al-Sarakhsi & syams al-Din, (1996), Wakaf berasal dari kalimah bahasa Arab ‘waqf’ diambil dari kata kerja ‘fi’il’ ‘waqafa’ yang bermaksud menahan ‘al-habs’ dan menegah ‘al-man’ di mana ia merupakan kata terbitan atau masdar bagi waqafa yang bererti menahan sesuatu atau memenjarakan. Menurut bahasa, wakaf bermaksud terhenti, tertegah, terbeku atau tertahan (Mahmud Saedon, 1998). Perkataan mewakafkan juga bererti memberikan atau menyerahkan harta seperti tanah bagi tujuan keagamaan sama ada untuk dijadikan tapak perkuburan, mendirikan masjid dan seumpamanya supaya orang ramai dapat memanfaatkannya (Nik Mustapha, 2009). Menurut Akta Pemegang Amanah 1949, wakaf bermaksud menyerahkan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah.

Berdasarkan peruntukan di dalam Jadual Kesembilan Senarai 2 Perlembagaan Persekutuan Malaysia, pengurusan wakaf adalah di bawah pihak berkuasa agama negeri-negeri, iaitu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (Baharuddin Sayin & rakan-rakan, 2006). Pengurusan harta wakaf termasuklah pendaftaran tanah wakaf dan pentadbiran harta wakaf itu sendiri (Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), 2006).

Urusan wakaf merupakan urusan harta keagamaan yang disenaraikan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan. Mengikut peruntukan ini urusan wakaf dan pentadbirannya diperuntukkan di dalam enakmen-enakmen atau akta pentadbiran undang-undang Islam negeri-negeri di Malaysia (Siti Mashitoh, 2005).

## Kedudukan Wakaf di Malaysia

Institusi wakaf dan kerajaan Malaysia saling berperanan dalam proses pembangunan ekonomi negara. Tanggungjawab penyediaan pendidikan, kesihatan dan penghapusan kemiskinan yang menjadi tanggungjawab kerajaan turut sama dipikul oleh institusi wakaf sebagaimana yang telah dibincangkan di atas. Dibawah pimpinan Perdana Menteri yang ke-5, Tun Abdullah Ahmad Badawi, beliau mewujudkan satu badan kerajaan khusus telah ditubuhkan iaitu Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (JAWHAR). Badan kerajaan ini telah diisytiharkan penubuhannya pada 27 Mac 2004 bertujuan memastikan perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan dasar serta program pembangunan institusi wakaf, zakat, mal dan haji dalam setiap rancangan pembangunan wakaf di Malaysia kekal relevan dan dipantau dengan berkesan demi kemajuan ummah. Diwujudkan juga bagi membangunkan lagi institusi.

Di Malaysia terdapat 9,907 hektar tanah wakaf bernilai lebih RM 1.2 bilion terbiar tanpa sebarang projek pembangunan dan juga penyelenggaraan di seluruh negeri (Che Zuina Ismail, 2010). Dapatan ini merupakan satu angka yang besar dan menunjukkan bahawa satu kerugian yang besar bagi umat Islam jika harta ini tidak ditadbir dan diuruskan secara profesional dan sistematik. Sedangkan ia tidak dinafikan berpotensi untuk dikembangkan dan dibangunkan bagi menyelenggarakan, membangun, mempertingkatkan wakaf lain dan menjana juga ekonomi umat Islam seterusnya menjadi asas kepada kestabilan dan kemantapan ekonomi negara (lihat jadual 1).

Jadual 1: Keluasan tanah wakaf di seluruh negeri di Malaysia.1

Negeri	Am (ekar)	Khas (ekar)	Keseluruhan (ekar)
Johor	1422.8	1729.5	3152.3
Kedah	158.31	1082.39	1240.7
Kelantan	16.01	157.04	173.06
Melaka	11.65	21.6	33.25
Negeri Sembilan	1.01	14.49	15.5
Pahang	0	723.82	723.82
Perak	116.12	0	116.12
Perlis	2.74	14.49	17.23
Pulau Pinang	220.03	559.23	779.26
Sarawak	6.86	4.04	10.9
Sabah	4339.73	62.17	4401.9
Selangor	235.63	31.82	267.45
Terengganu	393.79	5423.75	5817.54
Wilayah Persekutuan	0.49	1.59	2.08
<b>Jumlah</b>	<b>6925.17</b>	<b>9825.93</b>	<b>16751.11</b>

Selain itu, penubuhan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) di bawah JAWHAR pula adalah untuk membentuk satu badan nasional bagi menyatukan dan menggembelng sumber-sumber wakaf. Bagi mencapai tujuan ini, jelas menunjukkan peranan JAWHAR dan YWM amat penting dalam mempergiatkan lagi usaha mengumpul dana wakaf tunai untuk membangunkan tanah wakaf sedia ada, pembelian atau pembangunan aset, pembangunan bangunan seperti sekolah, kedai dan pejabat serta pembangunan perladangan, ternakan dan perkilangan yang dilihat sebagai satu usaha positif ke arah mencapai dan menjayakan peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi ummah pada masa akan datang.

Dari segi undang-undang, perlembagaan Malaysia merupakan sumber utama perundangan di Malaysia. Segala peruntukan yang bercanggah dengannya adalah terbatal. Menurut Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa perundangan Islam terletak di bawah kuasa negeri-negeri. Tetapi bidang kuasa tersebut bukan bersifat menyeluruh kerana ia hanya terkesan dalam sesebuah negeri itu sahaja, berkuat kuasa ke atas orang Islam sahaja dan hanya melibatkan perkara tertentu sahaja seperti yang dinyatakan dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan (Siti Mashitoh Mahamood, 2006). Bidang kuasa berhubung perundangan Islam boleh dilihat menerusi jadual ke-9, senarai 2, butiran 1 Perlembagaan Persekutuan. Perihal berkaitan wakaf juga ada disebutkan secara terang dalam senarai tersebut. Walaupun sudah jelas akan penentuan bidang kuasa tersebut, namun masih wujud kekurangan bagi mengelakkan berlakunya konflik perundangan antara Mahkamah

1 Senarai tanah wakaf yang disediakan di laman web sensawang JAWHAR (<http://119.110.108.126/spmwj/>). Di muat turun pada 4 Januari 2011.

Syariah dengan Mahkamah Sivil. Justeru itu, pindaan Perlembagaan Persekutuan telah dilakukan pada tahun 1988. Menerusi pindaan tersebut, keputusan Mahkamah Syariah tidak lagi boleh dipinda oleh Mahkamah Sivil (Perlembagaan Persekutuan)22. Pindaan tersebut juga telah menjadikan Mahkamah Syariah setaraf kedudukannya untuk membicarakan segala kes-kes yang berada di bawah bidang kuasanya. Keadaan ini telah memberikan kuasa mutlak kepada Mahkamah Syariah dengan tujuan untuk mengurangkan konflik bidang kuasa antara kedua-dua mahkamah tersebut. Pindaan yang dimaksudkan di sini ialah pindaan perkara 121 di mana klausa (1A) dimasukkan.

**Sistem Maklumat Geografi**

Sistem maklumat geografi adalah terjemahan daripada perkataan Inggeris iaitu *Geographical Information System* atau *Geographic Information System*. Ia merupakan teknologi Geospasial yang juga elemen penderiaan jauh, kartografi, pengukuran dan fotogrametri yang mana kesemua data-data ini memerlukan sistem maklumat geografi bagi proses interpretasi data. Sejak awal 1970-an, sistem maklumat geografi ini menjadi penting dalam pengurusan dan perancangan guna tanah, penilaian sumber asli, analisis habitat haiwan liar dan juga pengurusan pembalakan hutan (Nasir Nayan, 2010). GIS adalah satu sistem maklumat yang dikaitkan dengan keadaan geografi sesuatu tempat itu dan ia digunakan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan fenomena permukaan bumi. Sistem ini digunakan untuk memahami keadaan persekitaran yang mana melibatkan juga proses-proses teknologi, sosioekonomi, ruangan dan alam sekitar dengan cara yang lebih rasional dan bersistematik (Ruslan dan Noresah Md. Shariff, 1998).

Mengikut Harris, perancangan adalah berasaskan masa hadapan yang melibatkan proses mencari alternatif terbaik dalam penggunaan ruang untuk kesejahteraan ummah. Melalui proses perancangan, ia tidak hanya melibatkan data ruangan dan bukan ruangan, malahan ia memerlukan satu sistem pengurusan maklumat yang berkesan kerana maklumat tersebut diperlukan dalam melihat taburan ruangan, memantau perubahan yang terjadi dan merancang pembangunan masa hadapan (Narimah Samat & Tarmiji Masron, 2008).

**Keperluan Sistem Maklumat Geografi (GIS) Dalam Pengurusan Institusi Wakaf**

Bersesuaian dengan prinsip asas sesuatu harta wakaf itu, ia tidak boleh dijual, berkurang, pindah milik, diwarisi dan dialihkan, ia memerlukan satu sistem bagi mengendali dan mengurus harta wakaf tersebut. Harta wakaf yang berupa aset adalah di dalam bentuk tanah yang diwakafkan kepada pemegang amanah bagi manfaat umum dan khas. Oleh itu, ia perlu melibatkan proses merancang atau membangunkan harta wakaf tersebut. GIS dikatakan mempunyai kebolehan untuk mengurus data ruangan dan bukan ruangan. Penggunaan utama GIS adalah untuk menyimpan dan mengurus maklumat ruangan, menganalisis maklumat ruangan dan bukan ruangan, mengintegrasikan dan mengolah maklumat ruangan dan bukan ruangan serta memaparkan sama ada dalam bentuk peta atau jadual hasilan daripada operasi yang telah dilaksanakan (Star & Estet, 1990).

Rajah 1 menunjukkan taburan tanah wakaf di Malaysia. Dengan jumlah keluasan yang besar memerlukan satu sistem maklumat yang canggih bagi memastikan pengurusan tanah wakaf dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Ini merangkumi perancangan untuk diurus dan dibangunkan untuk kepentingan dan kemajuan komuniti. Pengurusan harta wakaf melalui sistem maklumat geografi adalah berdasarkan lokasi sebenar tanah wakaf tersebut. Ini memudahkan proses mengurus dan merancang pembangunan yang bakal dijalankan. Selain itu juga, data harta wakaf ini akan dimasukkan ke dalam sistem maklumat ini dan ia akan memudahkan proses pemantauan. Pada masa kini, kesemua harta wakaf masih lagi direkodkan secara manual iaitu dengan cara menyimpan rekod-rekod pewakaf dan tanah wakaf. Proses ini amat rumitkan di mana ia perlu dirujuk kepada fail asal setiap kali berurusan. Manakala, sistem maklumat geografi pula dapat memudahkan kerja pengurusan kerana ia dapat memaparkan segala maklumat mengenai tanah wakaf. Perancangan ke atas tanah wakaf juga dapat dirancang dengan teliti berdasarkan kepada peta lokasi tanah wakaf berkenaan (Amaludin & rakan-rakan, 2011)




Rajah 1: Taburan Tanah Wakaf di Malaysia

**Aplikasi AZAN Geomap**

Aplikasi ‘AZAN Geomap’ dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik daripada Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan telah berjaya mendapat pemfailan Hak Cipta pada tahun 2015. Aplikasi ini dihasilkan berasaskan konsep perisian *Geographic Information System* (GIS) khusus dalam pengurusan maklumat dan data harta dan tanah wakaf untuk beberapa negeri yang tersedia untuk digunapakai. Keperluan untuk membangunkan dan mengaplikasikan ini memerlukan perkakasan dan peralatan komputer riba, perisian GIS, peralatan *Global Positioning System* (GPS), peta digital yang disediakan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) serta data-data harta dan tanah wakaf berkaitan. Sistem ini boleh membantu untuk menyimpan pelbagai maklumat yang diperlukan dalam pengurusan harta dan tanah wakaf secara efektif, cepat dan mudah dicapai. Sistem ini dapat merekod pelbagai keperluan dalam pengurusan perancangan dan pemantau harta dan tanah wakaf berasaskan kedudukan yang sebenar. Sistem ini dapat mencari kedudukan yang paling hampir untuk mengesan lokasi harta dan tanah wakaf yang telah direkodkan. Rajah 2 dan 3 menunjukkan hasil peta yang berjaya dihasilkan melalui aplikasi ini di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



Rajah 2: Peta Tanah Wakaf Selangor



Rajah 3: Peta Tanah Wakaf Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

## Rumusan

Amalan wakaf memainkan peranan yang penting dalam kemajuan umat Islam. Pelbagai projek pembangunan boleh dilaksanakan yang boleh memberi manfaat kepada umat Islam. Contohnya, seperti memberi bantuan kepada orang yang berada dalam asnaf-asnaf zakat; bantuan kerana pembinaan, pengurusan dan mengimarahkan masjid, surau, madrasah, klinik, hospital dan lain-lain; bantuan kepada orang yang ditimpa bencana alam, kemalangan, rawatan perubatan, anak-anak yatim, orang yang dalam tahanan, bantuan pendidikan, meningkatkan syiar Islam dan bantuan untuk membangunkan negara dan lain-lain yang berkaitan dengan kepentingan dan kebajikan umat Islam. Tanah wakaf yang luas dan terbiar berpotensi untuk dibangunkan secara sistematik. Dalam hubungan ini, AZAN Geomap perlu diaplikasikan dalam pengurusan maklumat tanah wakaf agar menjadi pengurusan tanah wakaf yang lebih efektif di Malaysia.

## Rujukan

*Al-Quran Al-Karim*

Al-Sarakhsi, Syams al-Din. 1996. *al-Mabsut*, vol.12, Beirut: Dar al-Ma'arif, h, 27 : Mustafa Al-Khin et.al. 2005. *al-Fiqh al-Manhaji*, J, 2 Cetakan 7, Damsyik: Dar al-Qalam, Hlmn, 213 dalam Siti Mashitoh Mahamood. (2007). Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah Dan Undang-Undang Serta Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 15: 2, 2007.

Amaludin Ab. Rahman, Zaid Ahmad, Asnarulkhadi Abu Samah, Nurdeng Duraseh, Nurul Azra Ab. Malik & Nik Mohd Saiful W Mohd Sidik. (2011). Peranan Institusi Wakaf Dalam Pembangunan Komuniti: Keperluan Sistem Maklumat Geografi (Geographic Information System). Kertas Kerja dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-3. Anjuran Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 8-10 Februari 2011.

Baharuddin Sayin, Asmak Hj. Ali dan S. Salahudin Suyurno. (2006). *Pengenalan Pengurusan Wakaf di Malaysia*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

Che Zuina Ismail. (2010). *Pengurusan Institusi Wakaf Di Malaysia: Cabaran dan Masa Depan Dalam Pembangunan Tanah Wakaf*.

Hadith Riwayat Bukhari. *Kitab al-Syurut: Bab Syurut Fi al-Waqf*: No.2737.

Harris, B. (1965). New tools for planning. *Associate of American Planners Journal*. Hlmn, 90-94

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). (2006). *Manual Pengurusan Tanah Wakaf*. Jabatan Wakaf Zakat dan Haji.

Mahmud Saedon Awang Othman. (1998). Peranan Wakaf di dalam Pembangunan Ummah. *Al-Ahkam* Jilid 6. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Faris Dziauddin dan Ruslan Rainis (2003). *Pengenalan kepada Kartografi*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd

Narimah Samat & Tarmiji Masron (2008). *Sistem Maklumat Geografi Dalam Analisis Guna Tanah*. Hlmn.10.

Nasir Nayan. (2010). *Manual ArcGISTM: Amali ArcMapTM dan ArcCatalogTM*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris. Hlmn.1.

Nik Mustapha Nik Hassan. (2009). *Pendekatan Wakaf Dalam Membangun Ekonomi Masyarakat*. Malaysia

Ruslan Rainis dan Noresah Md. Shariff. (1998). *Pengenalan kepada Sistem Maklumat Geografi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Mashitoh Mahamood. (2006). *Waqf in Malaysia, Legal and Administrative Perspective*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang- undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Star & Estet. (1990). *Geographic Information System: an Introduction*. New Jersey, Prentice-Hall